

Headline **Pusat Semantik Unimas**
Date **07. May 2008**
Media Title **Majalah PC**
Section **NEWS**
Circulation **2500**
Readership **5000**

Language **MALAY**
Page No **25**
Article Size **120** cm2
Frequency **Monthly**
Color **Full Color**



Pusat Semantik UNIMAS



MIMOS dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menandatangani memorandum persetujuan untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan Teknologi Semantik. Pusat ini ditubuhkan oleh MIMOS dengan kerjasama Fakulti Sains Perkomputeran dan Teknologi Maklumat mengenai Teknologi Bahasa untuk mengkomersialkan teknologi berasaskan bahasa. UNIMAS dipilih kerana keupayaannya dalam penyelidikan kepintaran buatan (AI) dengan dua fakulti terlibat dengan pengajian AI. Teknologi semantik ini adalah asas kepada pembangunan Web 3.0 yang menjanjikan pengetahuan adalah sebahagian daripada kehidupan seharian dan usaha ini adalah untuk menjadikan Malaysia pengguna Web 3.0 pertama di dunia.

Platform teknologi semantik ini boleh digunakan dalam perniagaan, perbankan dan kewangan, pertuturan, kesihatan, automotif, pengaturcaraan berautomasi dan enjin pencari berasaskan makna.